

DIMENSI LITERASI MEDIA DAN KESEDIAAN PENYERTAAN POLITIK DALAM KALANGAN PENGUNDI MUDA BAHARU DI ZON SELATAN, MALAYSIA

MEDIA LITERACY AND POLITICAL PARTICIPATION READINESS AMONG YOUNG VOTERS IN THE SOUTHERN REGION IN MALAYSIA

Siti Nurshahidah Sah Allam^{1,a*}, Mohd Sufiean Hassan^{2,b}, Abdul Rauf Hj. Ridzuan^{3,c}, Noor Afzaliza Nazira Ibrahim^{4,d}, Nur Shazana Abdul Rani^{5,e} Najihah Hanisah Marmaya^{6,f}

¹*Pengajian Komunikasi dan Media, Kolej Perkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia,*

²*Pengajian Komunikasi dan Media, Kolej Perkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia*

³*Pengajian Komunikasi dan Media, Kolej Perkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia*

⁴*Pengajian Komunikasi dan Media, Kolej Perkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia*

⁵*Pengajian Komunikasi dan Media, Kolej Perkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia*

⁶*Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia*

^a*shahidah321@uitm.edu.my*

^b*mohdsufiean@uitm.edu.my*

^c*abdulrauf@uitm.edu.my*

^d*afzaliza@uitm.edu.my*

^e*nurshazana@uitm.edu.my*

^f*najihah@ums.edu.my*

*Corresponding Author: *shahidah321@uitm.edu.my*

Abstrak: Ledakan teknologi komunikasi dan maklumat pada hari ini membuka platform kepada golongan muda terutama pengundi muda (*Undi18*) untuk mendapat akses maklumat politik. Hal ini mendorong kepada pelaksanaan polisi penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun di Malaysia. Objektif kajian ini untuk mengkaji tahap kemahiran literasi media dan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda di Malaysia. Kaedah survei digunakan ke atas 547 responden dalam kalangan pengundi muda (18-26 tahun) di Malaysia. Soal selidik telah melalui proses kesahan pakar dan kesahan bersemuka yang menjadikan nilai Alpha Cronbach bagi setiap item adalah melebihi 0.07 yang membawa maksud mempunyai aras kesahan yang baik. Pekali alfa untuk semua item ialah 0.95. Dapatkan kajian menunjukkan tahap kemahiran literasi media dalam kalangan pengundi muda adalah sederhana ($min=3.93$) dan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda adalah rendah ($min=2.56$). Namun, responden dilaporkan mempunyai tahap pengetahuan politik yang tinggi dan menjadikan media sosial merupakan platform popular untuk mendapatkan maklumat politik. Kajian ini melaporkan ibu bapa, sekolah serta media sosial merupakan agen yang mempengaruhi minat politik. Kajian ini membawa implikasi sosial bahawa Kerajaan perlu mempergiat kempen kemahiran literasi media di peringkat sekolah hingga ke Institusi Pengajian Tinggi. Kepentingan

kemahiran literasi media meningkatkan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda. Kajian ini turut membantu negara mencapai matlamat dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di bawah Teras 5, iaitu Transformasi Modal Insan melalui Program Pembangunan Literasi Media dan Politik bagi melahirkan pemimpin berintegriti dalam kalangan golongan muda.

Kata Kunci: Kemahiran Liteasi Media, Lokus Peribadi Politik, Struktur Pengetahuan Politik, pengundi muda, Kesediaan Penyertaan Politik

Abstract: *The explosion of communication and information technology today has opened a platform for young people, especially new young voters (Undi18), to access political information. This has led to the implementation of lowering the voting age policy where the voting age is from 21 years to 18 years in Malaysia. This study is to examine the level of media literacy skills among new young voters in Malaysia. There are 547 respondents aged 18 to 29 years, in Malaysia. The questionnaire underwent both expert validation and face-to-face validation, with Cronbach's Alpha values for each item exceeding 0.07, indicating a good level of validity. The coefficient alpha for all items was 0.95. This study found that the level of media literacy skills among young voters is moderate (mean=3.93), and the readiness for political participation among young voters is low (mean=2.56). However, respondents are reported to have a high level of political knowledge and use social media as a popular platform for obtaining political information. This study reported that parents, schools, and social media are agents that influence new young voters' political interests. The study has social implications, suggesting that the government should intensify the media literacy skills campaign from the school level up to the institutions of higher education. Increasing media literacy skills is essential for enhancing the level of political participation readiness among new young voters. Additionally, this study contributes to the nation in achieving the policy goals of the Shared Prosperity Vision 2030 under Core 5, the Transformation of Human Capital through the Media and Political Literacy Development Program in producing integrity leaders among youth.*

Keywords: *Media Literacy Skills, Political Personal Locus, Political Knowledge Structure, young voters, Political Participation Readiness*

1. Pengenalan

Ledakan teknologi komunikasi dan maklumat pada hari ini membuka platform kepada golongan muda terutama pengundi muda (Undi18) untuk mendapat akses maklumat politik (Salleh, 2022). Hal ini mendorong kepada pelaksanaan polisi penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun di Malaysia yang beranggapan bahawa golongan muda yang aktif di media sosial mempunyai pengetahuan politik yang tinggi (Pauline, 2021) dan berintegriti dalam menyertai aktiviti politik (Hassan et al., 2022).

Media mempunyai peranan yang kuat dalam membentuk lokus peribadi politik dan memperkuuh struktur pengetahuan politik (Samani et al., 2011) bagi mendorong kepada tingkah laku menyertai aktiviti politik. Namun, dalam konteks pengundi muda kurang perbincangan dilaporkan berbanding pengundi berpengalaman. Jurang pengetahuan mengenai tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda kurang mendapat perhatian penyelidik komunikasi politik terutama dari perspektif literasi media.

Kepentingan literasi media dalam konteks politik dilaporkan mampu membentuk komuniti sivik yang berintegriti (Hassan, 2020), meningkatkan minat politik (Shehata & Amnå, 2019), memperkuatkkan struktur pengetahuan politik dan sekaligus mendorong penyertaan politik terutama dalam kalangan golongan muda (Ganduri et al., 2020). Namun, kelebihan kemahiran literasi media dalam konteks politik kurang mendapat perhatian penyelidik komunikasi politik sedangkan kemahiran literasi media adalah benteng dan perisai kepada kebanyakkan isu maklumat (Sachdeva & Tripathi, 2019) seperti maklumat palsu (Pérez-Escoda et al., 2021), kecelaruan maklumat (UNESCO, 2018) dan maklumat sinikal (Song et al., 2020) yang tersebar luas di media terutama media sosial. Ini bermakna golongan muda yang aktif di media sosial turut terdedah dengan kecelaruan maklumat terutama maklumat politik. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kemahiran literasi media dan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda di Malaysia.

Perbincangan seterusnya menjurus kepada sorotan kajian bagi membincangkan jurang kajian, kerangka kajian, prosedur pengumpulan data, seterusnya perbincangan dan implikasi kajian serta cadangan kepada penggubal dasar.

2. Sorotan Kajian

Penggunaan media sama ada media konvensional atau media digital adalah signifikan dengan penyertaan politik terutama dalam kalangan golongan muda (Bykov & Medvedeva, 2021). Sorotan kajian lepas membuktikan sejak dahulu lagi media mempunyai kuasa untuk mempengaruhi pendapat umum (Saud et al., 2020), menggalakkan penglibatan sivik, dan akhirnya, mendorong kepada aktiviti politik seperti mengundi ketika pilihanraya (Eichhorn, 2018).

Media adalah signifikan dalam membentuk minat politik dalam kalangan golongan muda (Jitsaeng & Tuamsuk, 2022). Golongan muda menggunakan media untuk mencari maklumat politik dan hal ini dipengaruhi oleh agen sosialisasi seperti ahli keluarga, sekolah, rakan-rakan dan media. Kajian Maher & Earl (2019) melaporkan media sosial membentuk minat politik dan signifikan dalam mempengaruhi penyertaan politik dalam kalangan golongan muda. Pengaruh keluarga dan rakan-rakan berbincang isu politik di media sosial memberi peluang kepada golongan muda untuk mengulas dan memberi idea. Hal ini menuntut golongan muda untuk mencari maklumat politik melalui pelbagai sumber dan platform media bagi memastikan mereka mampu memberi sumbangan dalam diskusi bersama keluarga dan rakan-rakan.

Namun, pendedahan kepada maklumat sinikal dan terdedah dengan komen negatif (Samari et al., 2022) menyebabkan golongan muda menjadi mangsa ‘cyberhate.’ Akhirnya, walaupun golongan muda mempunyai minat politik yang tinggi, struktur pengetahuan politik yang kukuh mereka cenderung untuk tidak menyertai politik kerana kurang kemahiran literasi media. Kemahiran literasi media ini adalah perisai daripada serangan maklumat politik sinikal dan gangguan ‘cyberhate’ (Obermaier & Schmuck, 2022). ‘Cyber hate’ merujuk kepada boleh ditakrifkan sebagai sebarang penggunaan teknologi komunikasi untuk menyebarkan mesej atau maklumat bersifat etnosentrik, xenofobia, Kristianofobia, Islamofobia, perkauman, taksub dan pelampau atau pengganas (Celik, 2019).


Kajian tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda di Malaysia menemui pelbagai dapatan kajian. Terdapat kajian yang melaporkan pengundi muda di

Malaysia mempunyai tahap tinggi penyertaan politik (Khairunisa'a & Junaidi, 2020; Kaur & Puyok, 2021; Joni *et al*, 2022; Mohd Dzaki, 2022; S. Z. Razali, 2022). Kajian Khairunisa'a & Junaidi, 2020 melaporkan pengundi muda baharu di Malaysia menyambut baik polisi penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun dan hal ini secara langsung meningkatkan jumlah pengundi dalam menentukan pemimpin negara. Keterujaan pengundi muda untuk menyertai aktiviti politik adalah berdasarkan penguasaan pengetahuan politik yang baik berkaitan polisi kerajaan dan mengetahui hal ehwal parti politik di Malaysia (Joni *et al*, 2022). Perbincangan hal ehwal dan isu politik memberi impak terhadap golongan muda bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan politik mereka. Lebih menarik lagi pengetahuan yang tinggi terhadap isu politik diterjemahkan dalam pelbagai format kandungan media seperti video, infografik dan kapsyen yang kreatif (Kaur & Puyok, 2021). Hal ini menunjukkan pengetahuan politik yang tinggi membentuk keyakinan pengundi muda untuk mencipta kandungan politik di media dan mendorong untuk menyertai aktiviti politik terutama mengundi ketika hari pilihan raya (Mohd Dzaki, 2022).

Namun, tidak kurang juga kajian yang melaporkan tahap penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda di Malaysia adalah ditahap rendah (M. M. Razali *et al.*, 2021; Mohd Nizah & Mohd Sharif, 2020; Mohd Nizah & Abu Bakar, 2022; Kasmani, 2023). Jika Kaur & Puyok, 2021 dan Joni *et al*, 2022 melaporkan bahawa pengundi muda mempunyai tahap pengetahuan politik yang baik, kajian terkini oleh Kasmani (2023) melaporkan golongan muda kurang mengambil bahagian dalam aktiviti politik kerana kurang pengetahuan politik sehingga memberi kesan kepada keyakinan untuk membincangkan dan membahaskan isu politik di media sosial. Hal ini antara faktor pengundi muda tidak berminat untuk keluar mengundi ketika hari pilihan raya (Nizah, 2019).

Justeru itu, kajian ini berpendapat kemahiran literasi media adalah asas dan penting dalam memastikan tahap kesediaan penyertaan politik golongan muda (Middaugh, 2019) terutama pengundi muda berada dalam tahap maksimum. Dalam model literasi media, lokus peribadi politik dan struktur pengetahuan politik adalah signifikan dengan penyertaan politik (W. J. Potter & Thai, 2016). Keupayaan menggunakan media untuk mencari maklumat politik, dorongan minat politik dan pengaruh minat politik adalah faktor kepada lokus peribadi politik yang kukuh. Di samping itu, struktur pengetahuan politik (Kahne & Bowyer, 2017) juga merupakan asas kemahiran literasi media. Struktur pengetahuan amalan demokrasi, sistem pilihanraya dan pengetahuan tentang parti politik adalah dorongan penting kepada pengundi muda untuk menyertai politik.

2.1 Kerangka Kajian dari Perspektif Teori Literasi Media



Rajah 1. Kerangka kajian

Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian yang diadaptasi daripada Teori Literasi Media. Menurut W. Potter, (2004), asas tindakan individu untuk membuat keputusan adalah berdasarkan kemahiran literasi media yang terdiri daripada lokus peribadi dan struktur pengetahuan. Lokus peribadi merujuk kepada matlamat dan dorongan. Matlamat membentuk tugas pemprosesan maklumat dengan menentukan perkara yang akan ditapis dan perkara yang diabaikan. Lebih jelas matlamat guna media, maka lebih banyak usaha untuk pencarian maklumat dan semakin kuat dorongan untuk tindakan membuat keputusan. Manakala, struktur pengetahuan merujuk mesej dan maklumat yang diperolehi daripada media bagi membentuk kefahaman sebelum sesuatu keputusan dibuat. Lebih banyak struktur pengetahuan yang diperolehi, lebih yakin seseorang individu untuk membuat keputusan.

Dalam konteks kajian ini, teori media literasi diadaptasi dalam konteks politik. Lokus peribadi politik adalah matlamat guna media, minat politik dan pengaruh minat politik (Abdu et al., 2017) yang mendorong individu dalam membuat keputusan untuk menyertai aktiviti politik. Manakala, struktur pengetahuan politik merujuk kepada kefahaman individu mengenai maklumat demokrasi, maklumat pilihan raya dan maklumat parti politik (Vraga et al., 2015) yang berpengaruh dalam keputusan individu untuk menyertai aktiviti politik.

3. Kaedah Kajian

Kami menjalankan survei secara bersemuka berasaskan persampelan rawak mudah ke atas pengundi muda (18-26 tahun) lebih tiga minggu pada bulan November dan Disember 2022. Kutipan data dilaksanakan secara sistematik dengan membahagikan populasi kepada lima (5) zon, iaitu Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Barat dan Zon Borneo. Namun, bagi

tujuan kajian ini fokus terhadap Zon Selatan, iaitu Johor (Besar, 2020) dan Melaka (Nadzri & Noor, 2022) kerana pergelakkan politik dan trend kesediaan penyertaan politik pengundi muda baharu yang kurang diberi perhatian (Mohd Nizah & Abu Bakar, 2022). Bagi memastikan kutipan data yang menyeluruh, kajian ini mengenalpasti kawasan bandar dan luar bandar. Penentuan kawasan bandar dan luar bandar adalah tertakluk daripada data yang diperolehi daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Responden perempuan seramai 223 (57.5%) manakala responden lelaki berjumlah 165 (42.5%). Majoriti responden adalah bujang iaitu seramai 338 (87.1%) dan yang telah berkahwin hanya seramai 38 (9.8%). Majoriti responden adalah isi rumah berpendapatan daripada kumpulan B40 seramai 381 (69.7%) diikuti M40 seramai 124 (22.7%) dan T20 hanya 42 (7.7%). Rata-rata responden mempunyai akses dengan media sosial melalui telefon pintar, mempunyai akaun media sosial dan memperuntukkan 4-6 jam sehari menggunakan media sosial.

4. Dapatan Kajian

Bagi menganalisis kemahiran literasi media dari dimensi lokus peribadi politik dan struktur pengetahuan politik, analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 29 digunakan bagi pelaporan datapan kajian. Kemahiran literasi media dari dimensi lokus peribadi politik mengandungi sub-konstruk seperti guna media, minat politik dan pengaruh minat politik. Pengiraan sela skala tahap min adalah seperti berikut:

Skala Min	Tahap
1.00 hingga 3.00	Rendah
3.01 hingga 5.01	Sederhana
5.02 hingga 7.00	Tinggi

Oleh itu, sela bagi setiap min adalah di antara 2.0. Tahap min yang rendah berada pada 1.00 hingga 3.00, tahap min sederhana berada pada sela 3.01 hingga 5.01 manakala tahap min tinggi pula berada pada 5.02 hingga 7.00. Skala min kajian ini sealiran dengan pendapat (Pallant, 2016) berkenaan skor min.

Jadual 1. Tahap Lokus Peribadi Politik dari Dimensi Guna Media

Item	Min	Sisihan Piawaian
GM1	3.65	1.796
GM2	2.84	1.747
GM3	4.14	2.240
GM4	4.26	2.060
GM5	3.68	1.891
GM6	4.37	1.920
GM7	4.63	2.009

Jadual 1 menunjukkan tahap guna media dalam kalangan pengundi muda. Responden menggunakan Facebook untuk mencari maklumat politik (Min = 4.26) berbanding surat khabar (Min = 2.84).

Jadual 2. Tahap Lokus Peribadi Politik dari Dimensi Minat Politik

Item	Min	Sisihan Piawaian
MP1	2.52	1.605
MP2	2.60	1.609
MP3	2.97	1.673
MP4	2.27	1.579
MP5	2.46	1.591
MP6	2.27	1.463
MP7	2.22	1.543
MP8	2.44	1.627
MP9	2.42	1.627
MP10	2.41	1.653
MP11	2.17	1.513
MP12	2.65	1.690
MP13	3.23	1.772
MP14	3.28	1.975
MP15	3.05	1.841
MP16	2.92	1.617

Jadual 2 menunjukkan tahap minat politik dalam kalangan pengundi muda di Malaysia. Dapatan kajian ini melaporkan tahap minat politik adalah rendah dan ini melibatkan pengundi muda di Malaysia tidak berminat untuk menyertai aktiviti politik secara bersemuka seperti menghadiri program anjuran parti politik, mesyuarat dan forum.

Jadual 3. Tahap Lokus Peribadi Politik dari Dimensi Pengaruh Minat Politik

Item	Min	Sisihan Piawaian
KP1	3.21	1.812
KP2	2.41	1.598
KP3	2.87	1.648
KP4	3.07	1.681
KP5	2.38	1.533
KP6	2.83	1.695
KP7	2.82	1.738
KP8	3.08	1.889
KP9	3.12	1.795
KP10	3.31	1.868
KP11	2.86	1.701

Jadual 3 menunjukkan tahap pengaruh minat politik dalam kalangan pengundi muda yang terdiri daripada ibu bapa, adik beradik, rakan-rakan, sekolah, media konvensional dan media sosial. Kajian ini melaporkan media sosial merupakan pengaruh minat politik yang tertinggi berbanding ibu bapa dan rakan-rakan.

Jadual 4. Tahap Pengetahuan Politik dari Dimensi Maklumat Demokrasi

Item	Min	Sisihan Piawaian
MD1	5.42	1.781
MD2	5.20	1.795
MD3	5.78	1.594
MD4	5.31	1.757
MD5	5.46	1.702
MD6	5.08	1.851
MD7	5.88	1.655

Jadual 4 menunjukkan tahap pengetahuan maklumat demokrasi dalam kalangan pengundi muda. Kajian ini melaporkan tahap pengetahuan maklumat demokrasi adalah tinggi dalam kalangan pengundi muda. Ini bermakna pengundi muda mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan dan Struktur Pemerintahan negara.

Jadual 5. Tahap Pengetahuan Politik dari Dimensi Maklumat Pilihanraya

Item	Min	Sisihan Piawaian
MPiL1	5.82	1.550
MPiL2	5.99	1.550
MPiL3	5.89	1.605
MPiL4	5.75	1.653
MPiL5	5.53	1.676
MPiL6	5.77	1.574
MPiL7	5.50	1.721

Jadual 5 menunjukkan tahap pengetahuan maklumat pilihanraya dalam kalangan pengundi muda. Kajian ini melaporkan tahap pengetahuan maklumat pilihanraya adalah tinggi dalam kalangan responden. Ini menunjukkan pengundi muda di Malaysia tahu tentang sistem pilihanraya yang melibatkan Pilihan Raya Umum, Pilihan Raya Kecil dan Pilihan Raya Negeri.

Jadual 6. Tahap Pengetahuan Politik dari Dimensi Maklumat Parti Politik

Item	Min	Sisihan Piawaian
MPP1	5.40	1.902
MPP2	5.23	2.014
MPP3	5.33	1.990
MPP4	4.56	2.223
MPP5	4.45	2.195
MPP6	4.93	2.156
MPP7	4.83	2.181
MPP8	4.70	2.229

Jadual 6 menunjukkan tahap pengetahuan parti politik dalam kalangan pengundi muda. Kajian ini melaporkan tahap pengetahuan parti politik dalam kalangan responden adalah tinggi dan ini bermakna responden tahu tentang Parti Politik utama di Malaysia seperti Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH).

Jadual 7. Tahap Kemahiran Literasi Media dalam kalangan pengundi muda

Kemahiran Literasi Media	Min	Sisihan Piawaian
Lokus Peribadi Politik	3.16	1.77
Struktur Pengetahuan Politik	5.38	1.82

Jadual 7 menunjukkan tahap kemahiran literasi media dalam kalangan pengundi muda. Kajian ini melaporkan tahap kemahiran literasi media dalam kalangan responden adalah di tahap tinggi untuk struktur pengetahuan politik. Namun, bagi lokus peribadi politik dilaporkan berada di tahap sederhana.

Jadual 8. Tahap Kesediaan Penyertaan Politik dari Dimensi Kesedaran Mengundi

Item	Min	Sisihan Piawaian
SE1	2.35	0.847
SE2	2.72	0.582
SE3	2.67	0.611
SE4	2.70	0.602
SE5	2.69	0.614
SE6	2.71	0.595

Jadual 8 menunjukkan tahap kesediaan penyertaan politik dari dimensi kesedaran mengundi. Kajian ini melaporkan tahap kesedaran mengundi dalam kalangan pengundi muda adalah rendah , di mana min bagi setiap item mencatatkan bawah 3.01.

Jadual 9. Tahap Kesediaan Penyertaan Politik dari Dimensi Kesediaan Mengundi

Item	Min	Sisihan Piawaian
U1	2.52	0.714
U2	2.48	0.727
U3	2.45	0.746
U4	2.47	0.724

Jadual 9 menunjukkan tahap kesediaan mengundi dalam kalangan responden. Kajian ini melaporkan tahap kesediaan mengundi dalam kalangan pengundi muda di Malaysia adalah rendah, iaitu min dilaporkan bawah 3.01.

Jadual 10. Tahap Kesediaan Penyertaan Politik

Item	Min	Sisihan Piawaian
Kesedaran Mengundi	2.64	0.64
Kesediaan Mengundi	2.48	0.76

Jadual 10 menunjukkan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda di Malaysia dan kajian ini melaporkan responden yang berumur 18 hingga 26 tahun mencatatkan tahap kesediaan penyertaan politik yang rendah.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian ini fokus untuk menganalisis tahap kemahiran literasi media dan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda di Malaysia. Kajian ini melaporkan tahap kemahiran literasi media dalam kalangan pengundi muda adalah di tahap sederhana, manakala tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan responden (18-26 tahun) adalah berada di paras rendah.

Pada tahun 2019, Penggubalan Rang Undang-Undang, Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan bagi meminda had umur mengundi warganegara Malaysia daripada 21 kepada 18 tahun (Pejabat Perdana Menteri, 2019). Pelbagai andaian daripada sorotan kajian lepas berkenaan pelaksanaan polisi penurunan had umur mengundi, antaranya adalah isu kesediaan penyertaan politik (Moe, 2020). Kajian ini membuktikan bahawa tahap rendah kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda dan kerajaan wajar mengambil tindakan drastik bagi menangani isu ini.

Kajian ini melaporkan responden menggunakan media untuk mencari maklumat politik di media sosia dan pengaruh minat politik responden adalah media sosial berbanding keluarga dan rakan-rakan. Walaupun mempunyai tahap struktur maklumat politik yang tinggi, di mana pengundi muda di Malaysia tahu tentang maklumat demokrasi, maklumat pilihan raya dan maklumat parti politik. Namun, tahap kesedaran mengundi dan kesediaan mengundi dalam kalangan pengundi muda di Malaysia adalah rendah.

Kajian ini berpendapat antara faktor yang menyumbang kepada isu kesediaan penyertaan politik ini adalah kesan kepada kecelaruan maklumat (information disorder). Pendedahan kepada maklumat politik di media sosial turut mendedahkan pengundi muda

dengan kecelaruan maklumat seperti maklumat palsu (Warren, 2020) dan salah maklumat (Munger et al., 2022) atau yang lebih membimbangkan lagi kecelaruan maklumat ini sengaja disebarluaskan di media sosial seperti kebocoran maklumat serta maklumat berunsur provokasi (UNESCO, 2018).

Di samping itu, kajian ini turut melaporkan bahawa pengaruh minat politik responden adalah dipengaruhi oleh media sosial berbanding ibu bapa (Wei et al., 2021) dan rakan-rakan (Hamid, 2018). Kajian ini agak bercanggah dengan kajian lepas yang melaporkan ibu bapa dan rakan-rakan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi golongan muda untuk menyertai politik. Dapatan kajian ini memberi input baharu yang penting dan amat membimbangkan kerana faktor agen sosialisasi adalah penting bagi mendorong tindakan pengundi muda untuk menyertai politik (Kudrnáč & Lyons, 2017). Ledakan teknologi komunikasi pada hari ini seumpama memberi petanda bahawa media sosial telah menggantikan peranan penting ibu bapa dalam kehidupan pengundi muda. Kebergantungan dengan media sosial memberi impak kepada jati diri yang lemah sehingga memberi kesan kepada dorongan untuk menyertai aktiviti politik terutama keluar mengundi ketika pihanraya.

Kesimpulannya, tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda di Malaysia amat bergantung kepada faktor kemahiran literasi media dari dimensi lokus peribadi politik dan struktur pengetahuan politik. Kajian ini memberi input bahawa tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda adalah rendah dan ini memberi impak kepada amalan demokrasi negara. Kesediaan penyertaan politik yang rendah turut dikaitkan dengan kematangan politik dan integriti penyertaan politik. Memandangkan ini merupakan kali pertama pengundi muda terutama yang berusia 18 tahun keluar mengundi, maka kempen kesedaran politik wajar diperluaskan ketika sekolah menengah dan ini melibatkan kerjasama strategic antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun usaha ini sedang dijalankan di peringkat Pengajian Tinggi, namun aktiviti politik dalam kampus masih dianggap tabu dalam kalangan pengurusan Universiti. Di samping itu, peranan ibu bapa dalam membentuk dan mendorong pengundi muda untuk menyertai aktiviti politik amat penting dalam meningkatkan lokus peribadi politik. Penglibatan aktiviti komuniti, hadir bersama ke forum politik dan keluar mengundi ketika pilihan raya adalah wajar dalam meningkatkan minat politik dalam kalangan pengundi muda.

6. Pengakuan

Kajian ini telah dibiayai oleh Skim Geran Dalaman Teja 2023 (GDT2023/1-3).

Rujukan

- Abdu, S. D., Mohamad, B., & Muda, S. (2017). Youth online political participation: The role of facebook use, interactivity, quality information and political interest. *SHS Web of Conferences*, 33, 00080. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20173300080>
- Besar, J. A., (2020). PRU-14 dan Pasca PRU-14: Analisis politik negeri Johor Darul Takzim. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 81–98.
- Bykov, I. A., & Medvedeva, M. V. (2021). Digital literacy as a factor of political communication strategy in Russia. *Proceedings of the 2021 Communication Strategies in Digital Society Seminar, ComSDS 2021*, 83–86.

<https://doi.org/10.1109/ComSDS52473.2021.9422849>

- Celik, S. (2019). Experiences of internet users regarding cyberhate. *Information Technology and People*, 32(6), 1446–1471. <https://doi.org/10.1108/ITP-01-2018-0009>
- Eichhorn, J. (2018). Votes at 16: New insights from Scotland on enfranchisement. *Parliamentary Affairs*, 71(2), 365–391. <https://doi.org/10.1093/pa/gsx037>
- Ganduri, R. N., Reddy, E. L., & Reddy, T. N. (2020). Social media as a marketing tool for political purpose and its implications on political knowledge, participation, and interest. *International Journal of Online Marketing*, 10(3), 21–33. <https://doi.org/10.4018/ijom.2020070102>
- Hamid, N. A. (2018). Influence of political socialization agents on pakistani youth's political participation : the mediating role of media and interpersonal communication. *Jurnal Komunikasi*, 34(2), 121–136.
- Hassan, M. S. (2020). Analisis psikometrik literasi media baharu dan pemantapan integriti penyertaan politik golongan muda. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 143–166.
- Hassan, M. S., Mahbob, M. H., Allam, S. N. S., Mustaffa, F., & Ibrahim, N. A. N. (2022). Media literacy and young people's integrity in political participation: A structural equation modelling approach. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 355–373. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3804-20>
- Jitsaeng, K., & Tuamsuk, K. (2022). Digital factors influencing the use of social media in political communication among Thai Youths. *International Journal of Media and Information Literacy*, 7(2), 450–462. <https://doi.org/10.13187/ijmil.2022.2.450>
- Joeckryno Joni, Khairul Azam Bahari, S. N. A. A. T. (2022). Youth's involvement in political communication towards the implementation of Undi18 in upcoming Malaysia's General Election. *Law and Political Sciences*, 3(1), 1–8.
- Kahne, J., & Bowyer, B. (2017). Educating for democracy in a partisan age: Confronting the challenges of motivated reasoning and misinformation. *American Educational Research Journal*, 54(1), 3–34. <https://doi.org/10.3102/0002831216679817>
- Kasmani, M. F. (2023). Undi 18: Understanding the political participation of first-time Malay voters through social media. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 2023(Special Issue), 33–48.
- Kaur, H., & Puyok, A. (2021). Political satire and its influence on youth political perception. *Trends in Undergraduate Research*, 4(2), 18–28.
- Khairunisa'a, M. N., & Junaidi, A. B. (2020). Persepsi terhadap penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun : Kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1–20.
- Kudrnáč, A., & Lyons, P. (2017). Parental example as a motivation for turnout among youths. *Political Studies*, 65(1_suppl), 43–63. <https://doi.org/10.1177/0032321716644614>
- Maher, T. V., & Earl, J. (2019). Barrier or booster? Digital media, social networks, and youth micromobilization. *Sociological Perspectives*, 62(6), 865–883. <https://doi.org/10.1177/0731121419867697>
- Middaugh, E. (2019). More than just facts: Promoting civic media literacy in the era of outrage. *Peabody Journal of Education*, 94(1), 17–31.

- <https://doi.org/10.1080/0161956X.2019.1553582>
- Moe, H. (2020). Distributed readiness citizenship: A realistic, normative concept for citizens' public connection. *Communication Theory*, 30(2), 205–225. <https://doi.org/10.1093/CT/QTZ016>
- Mohd Nizah, M. A., & Abu Bakar, A. R. (2022). Undi 18, dinamika politik dan keselamatan negara: Analisa daripada pilihan raya negeri Johor 2022. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2), 1–14.
- Mohd Nizah, M. A., & Mohd Sharif, S. (2020). Undi 18: Belia dan politik konvensional. *Sains Insani*, 5(1), 180–186. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.181>
- Munger, K., Egan, P. J., Nagler, J., Ronen, J., & Tucker, J. (2022). Political knowledge and misinformation in the era of social media: Evidence from the 2015 UK Election. *British Journal of Political Science*, 52(2), 107–127. <https://doi.org/10.1017/S0007123420000198>
- Nadzri, M., & Noor, M. (2022). Politik Melaka kontemporari : Analisis pilihan raya umum negeri Melaka 2021 dan selanjutnya. *Malaysian Journal of Society and Space* 8, 8(3), 185–199. <https://doi.org/10.17576/geo-2022-1803-12>
- Nizah, M. A. M. (2019). Undi 18: Belia dan Politik Konvensional. *Seminar Tamadun, Etnik Dan Turath Islami, October*, 304–210.
- Obermaier, M., & Schmuck, D. D. S. (2022). Youths as targets: Factors of online hate speech victimization among adolescents and young adults. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 27(4). <https://doi.org/10.1093/jcmc/zmac012>
- Pallant, J. (2016). Preliminary analyses. In *SPSS : Survival Manual*. Open University Press.
- Pauline, P. Y. L. (2021). Digital media: An emerging barometer of public opinion in Malaysia. *ISEAS Perspective*, 01/2021(38), 1–9.
- Pejabat Perdana Menteri. (2019). *Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019*. Rang Undang-Undang (Pindaan) 2019.
- Pérez-Escoda, A., Pedrero-Esteban, L. M., Rubio-Romero, J., & Jiménez-Narros, C. (2021). Fake news reaching young people on social networks: Distrust challenging media literacy. *Publications*, 9(2). <https://doi.org/10.3390/publications9020024>
- Potter, W. (2004). The Media Literacy Model. *Theory of Media Literacy: A Cognitive Approach*, 64–73. <https://doi.org/10.4135/9781483328881.n4>
- Potter, W. J., & Thai, C. (2016). Conceptual challenges in designing measures for media literacy studies. *International Journal of Media and Information Literacy*, 1(1), 27–42. <https://doi.org/10.13187/ijmil.2016.1.27>
- Razali, S. Z. (2022). "If there is a declaration of war, we welcome the war": Undi-18, tiktok election, and normalisation of violence". *Journal of Strategic Studies & International Affairs*, 2(2), 183–198.
- Sachdeva, P., & Tripathi, D. (2019). A critical education for 21st century: A study on youth and media literacy. *Journal of Content, Community and Communication*, 10(5), 64–72. <https://doi.org/10.31620/JCCC.12.19/07>
- Salleh, A. S. (2022). Keterujaan Undi18 dan pengundi baharu pada PRN Johor. *Jurnal Malaysia*.

- Samani, M. C., Maliki, J., & Abd, N. (2011). Literasi media: ke arah melahirkan pengguna media berpengetahuan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 41–64.
- Samari, E., Chang, S., Seow, E., Chua, Y. C., Subramaniam, M., van Dam, R. M., Luo, N., Verma, S., & Vaingankar, J. A. (2022). A qualitative study on negative experiences of social media use and harm reduction strategies among youths in a multi-ethnic Asian society. *PLoS ONE*, 17(11 November), 1–14. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0277928>
- Saud, M., El Hariri, D. B., & Ashfaq, A. (2020). The role of social media in promoting political participation: The Lebanon experience. *Masyarakat, Kebudayaan Dan Politik*, 33(3), 248. <https://doi.org/10.20473/mkp.v33i32020.248-255>
- Shehata, A., & Amnå, E. (2019). The development of political interest among adolescents: a communication mediation approach using five waves of panel data. *Communication Research*, 46(8), 1055–1077. <https://doi.org/10.1177/0093650217714360>
- Song, H., Gil de Zúñiga, H., & Boomgaarden, H. G. (2020). Social media news use and political cynicism: differential pathways through “news finds me” perception. *Mass Communication and Society*, 23(1), 47–70. <https://doi.org/10.1080/15205436.2019.1651867>
- UNESCO. (2018). *Journalism, ‘fake news’ & handbook for journalism education and training*. UNESCO.
- Vraga, E., Tully, M., Kotcher, J. E., Smithson, A., & Broeckelman-post, M. (2015). A multi-dimensional approach to measuring news media literacy. *Journal of Media Literacy Education*, 7(3), 41–53.
- Warren, M. (2020). Fake news case study during the Australian 2019 general election. *Australasian Journal of Information Systems*, 24, 1–12. <https://doi.org/10.3127/AJIS.V24I0.2803>
- Wei, H. S., Shih, A. T., Chen, Y. F., & Hong, J. S. (2021). The impact of adolescent parentification on family relationship and civic engagement. *Journal of Social Work*, 21(6), 1413–1432. <https://doi.org/10.1177/1468017320955249>